

## ***Bismillahirrahmannirrahim***

YBhg Dato' Sri Abu Kassim bin Mohammed  
Ketua Pesuruhjaya  
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

YBhg Dato' Mohd Shukri bin Abdull  
Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi)

YBhg Dato Haji Zakaria bin Hj Jaffar  
Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pengurusan & Profesional)

YBhg Dato' Sutinah binti Sutan  
Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan)

Pengarah-Pengarah Bahagian dan Negeri

Tuan-tuan dan puan-puan Warga SPRM yang dihormati sekalian

***Assalammualaikum warah matullah hiwabarakatuh, Salam  
Sejahtera dan  
Salam 1Malaysia***

## **UCAPAN TERIMA KASIH**

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya dapat kita sama-sama berkumpul dalam majlis pada hari ini. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada seluruh warga Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana mengatitkan kunjungan atau turun padang saya ke SPRM pada pagi ini.

2. Lawatan saya pada pagi ini adalah bagi meneruskan tradisi "Merakyatkan Perkhidmatan Awam" dan budaya "turun padang" yang telah didukung sejak saya diberi peluang untuk menggalas

tanggungjawab sebagai Ketua Setiausaha Negara tahun lepas. Pendekatan ini telah membolehkan saya merasai sendiri masalah dan keperluan rakyat, dan seterusnya, mengambil tindakan segera bagi mengatasi masalah tersebut sebelum ia menjadi lebih serius. Ia juga memberi peluang kepada saya untuk menyampaikan perkara-perkara semasa berkaitan dengan perkhidmatan awam yang penting dan memberi nasihat kepada penjawat awam secara “face-to-face”.

***Y.Bhg Dato’ Sri, Dato’-Dato’, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian***

### **NKRA: MEMERANGI RASUAH**

3. Sebagaimana yang kita semua sedia maklum, Program Transformasi Kerajaan menggariskan tujuh (7) bidang keberhasilan utama (NKRA). Satu daripada bidang tersebut adalah **USAHA MEMERANGI RASUAH**, dan Jabatan yang dipertanggungjawabkan ialah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.

4. Oleh itu, SPRM hendaklah sentiasa berusaha mencegah rasuah yang merupakan musuh negara dan menjadi punca kepada penyebaran dan penggalakan lain-lain bentuk jenayah. Kesannya amat mendalam dan mampu meruntuhkan sesebuah negara sekiranya kita gagal membendungnya.

5. Diantara kesan rasuah yang kita sudah lihat; mewujudkan jurang ekonomi yang besar antara yang kaya dan miskin, pembangunan yang tidak seimbang, menggalakkan dan melindungi perbuatan jenayah. Justeru, menimbulkan rasa tidak puas hati rakyat terhadap pemerintah

dan membawa kepada huru-hara serta ketidakstabilan sesebuah negara.

6. Sebagai rakyat Malaysia, kita harus berbangga kerana mempunyai Kerajaan yang berwawasan jauh dari segi melihat kepentingan agenda memerangi rasuah sebagai cabaran penting kepada proses pembangunan negara ini. Ini ditambah dengan komitmen dan kesungguhan yang ditunjukkan oleh Kerajaan dalam menjana dan menggerakkan pelbagai polisi serta pendekatan pencegahan rasuah sehinggalah ke hari ini.

7. Namun begitu, kita tidak boleh berpuas hati dan berpeluk tubuh atas kejayaan ini. Dunia semakin berubah. Globalisasi dan kecanggihan teknologi maklumat mewujudkan dunia tanpa sempadan. Secara tidak langsung, jenayah rasuah menjadi semakin kompleks dan melangkaui sempadan. Kaedah, strategi dan modus operandi penjenayah semakin sistematik dan berangkai.

8. SPRM sebagai agensi penguat kuasa tidak boleh bergantung pada taktikal, corak pemikiran, peralatan dan undang-undang yang sedia ada sahaja. Keperluan untuk berubah dengan memperkasakan keupayaan dan kepakaran pegawai wajar dilaksanakan agar seimbang dengan perubahan semasa. Untuk itu, proses "**transformasi**" penting dilaksanakan untuk memastikan SPRM terus relevan dalam tugas dan tanggungjawabnya memerangi rasuah.

9. Di sini, saya mengucapkan tahniah di atas kesungguhan SPRM dalam melaksanakan transformasinya dengan mewujudkan Jawatankuasa Eksekutif Transformasi yang terdiri daripada pakar-pakar

perundangan dan kehakiman, akademik, korporat serta tokoh-tokoh yang dihormati yang melibatkan pakar-pakar dari dalam dan luar negara.

10. Transformasi yang dibawa ini amat jelas matlamatnya, namun ia memerlukan sokongan warga SPRM untuk merealisasikannya. Oleh itu warga SPRM hendaklah memberikan kerjasama dan sokongan yang jitu serta bersama-sama melaksanakan transformasi kerana 'bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat'.

***Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian***

## **MEMANTAPKAN SAHSIAH PENJAWAT AWAM – SPRM**

11. Warga SPRM adalah sebahagian daripada warga penjawat awam dan sebagai sebuah agensi penguatkuasaan dan pencegahan, seharusnya bersifat waja dan memiliki jati diri yang tinggi untuk terus menyokong Dasar Transformasi Nasional. Seperti Program Transformasi Kerajaan (GTP), Program Transformasi Ekonomi (ETP), Model Baru Ekonomi (MBE) dan Rancangan Malaysia Ke-10.



## **PELAKSANAAN DASAR-DASAR YANG TELAH DIPUTUSKAN OLEH KERAJAAN**

12. Kita kini sudah memasuki bulan ketiga tahun 2013. Saya amat berharap warga SPRM prihatin dan telah memulakan pelaksanaan tujuh (7) hala tuju yang digariskan oleh YAB Perdana Menteri iaitu:

- (i) Memastikan perpaduan nasional terus diperkukuhkan berpaksikan Gagasan 1Malaysia;

- (ii) Menguruskan ekonomi dengan baik untuk memastikan pertumbuhan negara terus berkembang;
- (iii) Melaksanakan Bajet 2013 dengan licin, lancar dan berkesan mengikut jadual yang telah ditetapkan;
- (iv) Melaksanakan sepenuhnya Dasar Transformasi Nasional;
- (v) Melaksanakan Strategi Lautan Biru Kebangsaan atau “National Blue Ocean Strategy” (NBOS);
- (vi) Setiap Menteri dan Kementerian dalam negara ini mencapai Indeks Prestasi Utama (KPI) sepenuhnya; dan
- (vii) Meneruskan penambahbaikan sistem penyampaian Kerajaan berdasarkan enam prinsip baru perkhidmatan awam iaitu CTI (Cepat, Tepat dan Integriti) dan PCI (Produktif, Kreatif dan Inovatif).

13. SPRM sewajarnya telah mengenal pasti dan melaksana program-program khusus untuk difokus dalam tahun 2013, seperti mempergiatkan program atau aktiviti pencegahan rasuah yang menepati hala-tuju yang di gariskan oleh YAB Perdana Menteri. Dalam hal ini, sokongan dan kerjasama semua warga SPRM amatlah diharapkan dalam memastikan kelangsungan serta kelancaran pelaksanaan program-program tersebut.

5


***Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,***

## **SOKONGAN KERAJAAN TERHADAP PERKHIDMATAN AWAM**

14. Kita sebagai Penjawat Awam pada masa kini dilihat berada di kedudukan yang lebih baik jika dibandingkan dengan masa lampau. Ini kerana usaha berterusan Kerajaan yang sentiasa mengambil berat dan menambahbaikkan keperluan dan kebajikan anggota perkhidmatan

awam. Kita sewajarnya sentiasa bersyukur kepada Allah atas limpahan Rahmat dan KurniaNya kepada kita semua. Di samping itu juga kita sewajarnya berterima kasih atas keperihatinan pihak kerajaan yang sentiasa membantu meringankan beban Penjawat Awam dalam menghadapi ketidak tentuan ekonomi termasuklah dari segi penyelarasan gaji, bonus, BR1M, bantuan persekolahan dan banyak lagi bantuan.

15. Kerajaan juga sedang mengkaji untuk melaksanakan beberapa penambahbaikan didalam perkhidmatan awam seperti;

- sistem '**Time Based**' terutamanya bagi 'Jabatan-jabatan Tertutup' seperti SPRM dan Agensi-agensi penguatkuasa lain. Contohnya, Pegawai yang memasuki perkhidmatan Pengurusan dan Profesional, Gred 41 seboleh-bolehnya akan bersara pada Gred 54. Begitu juga bagi pegawai-pegawai kumpulan sokongan pada gred 29 sekurangnya akan bersara pada Gred 38.
- Bagi Penjawat Awam yang telah mencapai gaji maksimum, mereka menikmati kenaikan gaji seperti yang di isytiharkan oleh YAB Perdana Menteri kelmarin.
- Bagi Pesara-pesara, Kerajaan telah beri  kenaiikkan pencen sebanyak 2% setahun mulai 2013. Langkah ini diharap dapat mengurangkan beban yang ditanggung oleh Pesara Kerajaan dalam menghadapi kos sara hidup yang sentiasa meningkat.

16. Memandangkan tugas Pegawai SPRM yang begitu unik dan memerlukan sokongan dari orang ramai, maka saya secara dasarnya bersetuju supaya elaun keraian pegawai SPRM sebanyak 5% daripada gaji pokok untuk pegawai-pegawai di Gred P29 hingga P41/42

dimasukkan terus ke dalam gaji tanpa perlu membuat tuntutan sebagaimana lazimnya.

## **PENUTUP**

17. Akhir kata, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada seluruh Warga SPRM kerana dapat hadir dan mendengar amanat saya. Dikesempatan ini saya menyeru kepada seluruh Warga SPRM untuk melaksanakan tugas dan amanah yang dipertanggungjawabkan ini dengan penuh **berintegriti demi agama, negara dan bangsa tercinta.**

Sekian,

***Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh***